

"Kerajaan tidak berhasrat melindungi mereka yang melakukan jenayah"

Mn.M. 14 JAN 1989 1990

ISU VIDEO: JAMINAN MAHATHIR

KUALA LUMPUR 13 Jan. — Datuk **Sri Dr. Mahathir Mohamad** memberi jomninan bahawa kes pita video yang dikaitkan dengan **Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Encik D.P. Vijandian** akan diberi pertimbangan yang adil oleh kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak berhasrat melindungi mereka yang melakukan kesalahan jenayah.

Beliau menyatakan kesal terhadap parti pembangkang yang bukan berminat "untuk membetulkan keadaan yang tidak betul," tetapi cuma untuk mendapatkan *mileage* dari isu tersebut.

"Kalau mereka ingin mengambil tindakan kerana jenayah menyimpan pita video lucah, sepatutnya ia tidak dibangkitkan di Parlimen. Laporkan sahaja pada polis dan siasatan akan dibuat," katanya ketika menjawab pertanyaan para pemberita selepas menghadiri majlis perbarisan Hari RELA 1990 di sini pagi ini.

Mengenai tindakan Peguam Negara, Tan Sri **Abu Talib Othman** menasihati polis memusnahkan pita video yang dikaitkan dengan **Encik Yijandran**, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ia adalah satu budibicara pegawai berkenaan.

Semalam, Tan Sri **Abu Talib** menegaskan, beliau sedia menghadapi sebarang tindakan undang-undang berikutan keputusannya menasihati polis memusnahkan 11 pita video, dan empat sampul yang dicuri dari rumah Encik **Vijandran**.

Kepada dakwaan DAP kondnnya tindakan Tan Sri **Abu Talib** itu sebagai satu usaha untuk 'menutup' isu berkenaan, Perdana Menteri berkata, terpulang kepada DAP untuk membuktikan sama ada berlakunya penutupan sedemikian.

"Tetapi kita harus ingat bahawa perkara ini berlaku lama dan pada mulanya ia merupakan satu jenayah kecurian yang dilaporkan. Soal isi kandungan peti besi itu tidak berbangkit," katanya.

Katanya, seseorang itu juga dianggap melakukan jenayah walaupun dia tidak membuka peti besi yang dicudnya. Oleh itu mungkin

LIHAT MUKA 12

ISU VIDEO: JAMINAN MAHATHIR

Mn.M 14 JAN 1990 1990

perkara yang ditumpukan pada sebelum itu ialah jenayah kecurian dan soal isi kandungan tidak dibangkitkan.

beliau yakin jika soal isi kandungan itu dibangkitkan awal lagi, polis akan mengambil tindakan yang diperlukan.

Ditanya sama ada Peguam Negara meminta pandangan annya sebelum menasihati polis memusnahkan pita video itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Kalau semua perkara hendak ditujuk kepada Perdana Menteri, saya tidak ada kerja lain. Keputusan itu adalah atas budi bicaranya (Tan Sri Abu Talib)."

Kepada soalan sama ada beliau menyokong keputusan yang dibuat oleh Tan Sri Abu Talib, Perdana Menteri menegaskan, "saya bukan bagi sokongan kepada beliau. Kalau boleh dibuktikan keputusannya tidak jujur, tindakan akan diambil".

Beliau memberitahu, tindakan tidak boleh diambil terhadap para pegawai kerajaan yang diberi tanggungjawab menjalankan tugasnya melainkan ada bukti mereka melakukan sesuatu yang curang.

Menjawab satu soalan lain mengenai kedudukan Encik Vijandran sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat dan sama ada kerajaan akan menasihati beliau mengambil cuti sehingga kes tersebut selesai, Perdana Menteri berpendapat:

"Sehingga ini kerajaan tidak boleh membuat keputusan. Kalau kita hukum seseorang itu atas tuduhan yang belum dapat dibuktikan, ia merupakan satu ketidakadilan.

"Sebaliknya kita tidak mahu sesiapa yang dibuktikan terlibat dengan kegiatan seperti itu mendapat tempat dalam kerajaan, kerana itu perkara ini harus ditimbang secara adil."

Apabila ditanya tidakkah langkah menasihati Endk Vijandran bercuti akan mengurangkan tension di dalam Dewan Rakyat apabila ia bersidang, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, pembangkang boleh mencetuskan ketegangan bila-bila masa sahaja mereka mahu.

Perdana Menteri juga mahu pihak pembangkang bersedia membuat tuduhan kepada anggota parti mereka sekiranya ada maklumat yang membuktikan ada di antara mereka melakukan kesalahan jenayah.

"Ramai yang menyimpan pita video lucah. Kita tak ada bukti. Oleh itu mengapa yang seorang ini (Encik Vijandran) dijadikan mangsa," ujar beliau.

Peti besi kepunyaan Encik Vijandran yang dicuri dari rumahnya pada bulan Ogos 1988 telah menjadi isu ekoran dakwaan Timbalan Pengerusi DAP, Encik Karpal Singh baru-baru ini bahawa Encik Vijandran terlibat dalam pembikinan video lucah.

Pita-pita video, gambar serta negatif yang dijumpai dalam peti besi itu bagaimanapun telah dimusnahkan oleh polis atas nasihat Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman.